

30) STATUS PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI TAMAN ANDAMAN FASA 5 OLEH KONTRAKTOR PENYELAMAT

Adun : Y.B. Tuan Wan Dzahanurin Bin Ahmad (Sungai Kandis)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan projek perumahan Taman Andaman Fasa 5 dapat disiapkan mengikut jadual, dan apakah jaminan yang diberikan kepada pembeli rumah agar mereka tidak terus teraniaya akibat kelewatan projek ini?**

Untuk makluman Y. Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah membincangkan cadangan penyelesaian projek terbengkalai Taman Andaman 5 dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) dan secara dasarnya telah bersetuju untuk memperuntukkan dana daripada Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT) berjumlah RM1,006,836.04 bagi tujuan pemulihan projek Taman Andaman 5, Shah Alam.

Susulan daripada itu, LPHS dalam tindakan menyediakan kertas permohonan kelulusan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) bagi melaksanakan kaedah perolehan melalui Lantikan Secara Terus pihak Essential Construction & Trading Sdn Bhd sebagai kontraktor. Bagi menyediakan kertas pertimbangan tersebut, pihak syarikat telah dikehendaki mengemukakan salinan dokumen seperti Sijil Pendaftaran CIDB, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) dan penyata akaun syarikat 3 bulan terkini untuk pertimbangan dan kelulusan pihak PNS pada 9 Mei 2025 & 28 Mei 2025 dengan kadar segera. Sekiranya kelulusan telah diperolehi, pihak kontraktor disyaratkan untuk menyelesaikan kerja-kerja ditapak sehingga memperoleh Sijil Penyiapan Dan Pematuhan (CCC) dalam tempoh 3 bulan dari tarikh lantikan.

- b) **Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri terhadap pemaju penyelamat, Tetuan Essential Construction & Trading Sdn Bhd, sekiranya mereka gagal memenuhi syarat atau gagal menyediakan dokumen yang diperlukan bagi membolehkan dana tambahan dari LPHS bagi tujuan pemulihan projek ini di salurkan kepada mereka?**

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai / bermasalah di Negeri Selangor. Namun yang demikian, sekiranya pihak syarikat gagal memenuhi syarat dan gagal mengemukakan dokumen yang diperlukan, maka Kerajaan Negeri akan melaksanakan kaedah perolehan melalui Tender Terbuka dan proses ini akan mengambil masa serta mengakibatkan kenaikan kos pemulihan projek secara langsung dan memberi risiko projek tidak dapat dipulihkan dengan peruntukan yang telah diluluskan.

- c) **Apakah ada tempoh masa yang diberikan kepada pemaju penyelamat untuk menyediakan dokumen yang diperlukan sebelum peruntukan disalurkan kepada mereka? Jika ada, nyatakan tempoh tersebut. Jika tiada, nyatakan sebab.**

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengemukakan permohonan dokumen kepada pihak Essential Construction & Trading Sdn Bhd melalui emel pada 28 Mei 2025 dan seterusnya melalui surat bertarikh 16 Jun 2025 yang mana pihak syarikat dikehendaki mengemukakan dokumen kepada LPHS dengan kadar segera memandangkan LPHS mensasarkan untuk mendapatkan kelulusan daripada PNS selewat-lewatnya pertengahan bulan Julai 2025. Namun begitu, LPHS sedia maklum bahawa pihak syarikat perlu memperbaharui Sijil Pendaftaran CIDB yang telah tamat tempoh serta mengemukakan permohonan baru bagi memperolehi Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) yang dijangka akan dikemukakan kepada LPHS dalam minggu pertama bulan Julai 2025.